

14/05/2002

Mewujudkan bandar dalam taman bukan dalam hutan

Salina Abdullah

SEJAJAR hasrat menjadikan Malaysia sebuah negara dalam taman, kerajaan menetapkan sasaran 20 juta pokok ditanam di seluruh negara menjelang 2020. Usaha ini sejajar penyataan prinsip bagi hutan dalam Agenda 21 yang dipersetujui pada Persidangan Antarabangsa Mengenai Alam Sekitar di Rio de Janeiro, Brazil iaitu semua negara perlu mengambil bahagian dalam penghijauan dunia melalui penanaman dan pemuliharaan pokok.

Pada persidangan 1992 itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan komitmen Malaysia akan mengekalkan 50 peratus permukaan buminya dengan kehijauan atau hutan berbanding negara lain yang hanya 30 peratus.

Hasrat kerajaan ini bukan sekadar mengindah atau menghijaukan kawasan bandar atau negara tetapi untuk mewujudkan persekitaran sihat kepada generasi akan datang.

Pokok yang ditanam itu bukan saja akan memberi suasana teduh kepada generasi akan datang malah membantu menurunkan suhu dunia atau setidaknya mengurangkan kepanasan di Malaysia terutama di kawasan bandar.

Berdasarkan kajian, serumpun pokok dapat menurunkan suhu di kawasan sekitarnya sehingga 10 darjah selsius. Malah, Persatuan Pencinta Alam (MNS) pernah dilaporkan berkata, jika rakyat Malaysia menanam 100,000 pokok sekarang, ia akan menyerap 1,300 tan partikel habuk dan 600,000 kilogram karbon dioksida (CO₂) setiap tahun selepas 2020, sekali gus mengurangkan pemanasan global akibat kesan rumah kaca. CO₂ adalah antara gas rumah kaca utama yang menyebabkan pemanasan global).

Kajian juga menunjukkan penanaman pokok boleh mengurangkan halaju angin, dan mengurangkan bunyi bising. Kajian di Canberra, Australia mendapati penanaman pokok selama 20 tahun mengurangkan 35 peratus halaju angin, manakala kira-kira 6,500 tan partikel habuk di udara diperangkap setiap tahun oleh 500,000 pokok di Tucson, Amerika Syarikat.

Berdasarkan kebaikan ini, langkah setiap pihak untuk menanam pokok, mengekal atau mewujudkan kawasan hijau amat dialu-alukan. Pewujudan taman awam atau kawasan landskap hijau oleh pihak berkuasa tempatan adalah antara usaha murni yang diharap bukan saja merealisasikan sasaran negara dalam taman menjelang 2005 malah dapat memberi manfaat yang lebih meluas kepada alam sekitar dan penduduk keseluruhannya.

Namun, mampukah kawasan hijau pihak berkuasa tempatan ini menyajikan segala kebaikan ini jika ia tidak dibina dan diselenggarakan dengan baik? Bagaimana jika kawasan yang sepatutnya memberi ketenangan kepada orang ramai, berperanan sebaliknya? Menjadi kawasan tidak selamat dan tidak sihat kerana tidak diselenggarakan dengan baik. Rumput tidak dipotong, sisa daun dan ranting pokok tidak bersapu, malah dahan reput yang boleh membahayakan pengguna juga tidak dibuang.

Beberapa pakar landskap berkata, kebanyakan kawasan landskap hijau kini tidak diselenggarakan dengan baik malah ada di antaranya tidak diselenggarakan langsung sehingga menjadi semak-samun dan terbiar.

Semua ini, kata pakar landskap, turut dipengaruhi oleh kesesuaian reka bentuk landskap untuk diselenggara. Reka bentuk landskap juga mempunyai revolusi dan berubah mengikut peredaran zaman.

"Reka bentuk landskap perlu mengambil kira kerja penyelenggaraan menggunakan jentera. Penggunaan jentera akan memudah dan mempercepatkan kerja penyelenggaraan sekali gus menjadikan sesuatu kawasan itu terpelihara dalam aspek kebersihan dan keselamatan.

"Malangnya, kebanyakan landskap ketika ini tidak mengambil kira aspek ini. Reka bentuk landskap tidak sesuai terutama daripada aspek kecerunan kawasan bukit menyebabkan jentera tidak dapat digunakan. Kebanyakan kawasan landskap hijau di negara ini masih menggunakan penyapu untuk kerja pembersihan. Ini bukan saja melambatkan malah memerlukan tenaga kerja yang banyak terutama bagi sesuatu kawasan besar," katanya.

Pakar landskap menyebut sebuah mesin atau jentera pemotong rumput dapat menggantikan 10 orang pemotong rumput.

Dalam hal ini, kesungguhan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mewujudkan kawasan hijau yang sihat dan selamat amat dipuji. Taman Bukit Jalil, antaranya dibina dengan mengambil kira semua ciri ini. Dengan reka bentuknya yang dibina oleh Cypark Sdn Bhd, sebuah syarikat landskap terbesar di negara ini dan syarikat landskap pertama di Asia yang menerima persijilan ISO 9002, taman seluas hampir 20 hektar (78 ekar) itu kini diselenggarakan dengan teknologi terkini.

Siap dibina pada September tahun lalu, taman bernilai RM30 juta itu bukan saja menekankan kepada penanaman pokok malah memastikan aspek penyelenggaraan dan persekitaran, merangkumi jenis tanah dan topografi turut diambil kira.

Diselenggarakan oleh Cypark, lebih 50 peratus daripada taman seluas 20 hektar itu diselenggarakan dengan jentera. Selain itu, kawasan hijau berkenaan juga dibaja menggunakan baja organik yang mesra alam.

Di samping itu, ujian tanah juga dijalankan di kawasan itu dari semasa ke semasa bagi menentukan kesesuaian tanah dengan pokok yang ditanam selain menjalankan langkah pencegahan, termasuk memeriksa dan memotong dahan reput sebelum ia mendatangkan bahaya kepada pengguna.

Suatu usaha yang pastinya memerlukan belanja besar. Namun, itu adalah cara yang sepatutnya dilaksanakan setiap pihak berkua sa tempatan ke atas kawasan landskap hijau yang dibina di kawasan masing-masing. Hanya dengan kesungguhan ini, langkah penanaman pokok atau pewujudan kawasan landskap hijau di dalam bandar itu akan mencapai matlamatnya iaitu menjadikan bandar atau negara dalam taman menjelang 2005.

Usaha mereka atau sesiapa juga untuk menghijaukan bandar dan negara amat digalakkan. Namun, tanpa perancangan teliti baik dari segi reka bentuk landskapnya, penyelenggaraan dan pengawasan berterusan terhadap taman itu, matlamat kewujudannya tidak akan tercapai dan lebih malang, ia akan melahirkan bandar atau negara dalam hutan.

(END)